

16 OCT 1998

Mahathir-dasar

UMNO PERLU KEKALKAN DASARNYA YANG BERJAYA

Oleh: Azman Ujang

TOKYO, 16 Okt (Bernama) -- Umno telah mewujudkan dasar-dasar yang berjaya dan ia perlu mengekalkan semua dasar ini tidak kira siapa yang mengetuai parti itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad said today.

Ketika menjawab soalan sama ada penggantinya akan meneruskan dasarnya, Perdana Menteri berkata semua dasar itu bukanlah dasar peribadinya tetapi adalah dasar kebangsaan.

Dr Mahathir berkata pemilihan Umno tahun depan akan menentukan siapa akan menjadi timbalan dan juga pengganti beliau.

"Tetapi yang lebih penting daripada memilih saya ialah bagi Umno meneruskan dasar yang kami wujudkan kerana semuanya adalah dasar yang berjaya," kata beliau pada sesi soal jawab pada jamuan tengah hari bersama ahli-ahli perniagaan, tokoh bank dan cendekiawan Jepun di sini.

"Pengganti saya tentunya bukan 100 peratus macam saya. Saya bukan 100 peratus macam orang yang saya ganti. Caranya mungkin berbeza tetapi walaupun saya menyumbang ide untuk dasar-dasar ini, ianya bukanlah dasar saya, ianya dasar kebangsaan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata akibat kelembapan ekonomi, Malaysia tidak lagi mampu mencapai tahap pertumbuhan 8 peratus dan oleh yang demikian, Barisan Nasional mungkin sukar mendapatkan majoriti besar dalam pilihan raya akan datang.

Mengenai Datuk Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri berkata ia agak malang kerana beliau terpaksa melucutkan jawatan timbalannya itu, dan beliau tidak mempunyai pilihan lain kecuali bertindak demikian.

Ini kerana tindakannya itu terpaksa diambil ketika Malaysia mengalami kelembapan ekonomi dan mengambil kira masalah politik yang timbul akibat keputusannya itu.

"Sehingga dua bulan yang lepas, Anwar adalah pilihan saya sebagai pengganti menjadi perdana menteri. Saya memang tidak mahu perkara sebegini berlaku," katanya.

Anwar, yang dilucutkan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada 2 Sept dan disingkir daripada Umno sehari selepas itu, kini menghadapi 10 tuduhan meliwat dan rasuah. Beliau akan dibicarakan 2 Nov ini.

-- BERNAMA

AU SJ MAI